

UMS-YKN bakal wujud pusat sehenti gabungan komponen sosial yang pertama di Malaysia

NST 16.4.2019 3

PUTRAJAYA:Kerjasama di antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) menyaksikan sebuah pusat sehenti (one stop centre) yang menggabungkan komponen sosial seperti Anjung Kasih, Anjung Singgah, Food Bank dan lain-lain yang bercirikan elemen kebajikan sedang dalam perancangan untuk diwujudkan di tanah kebajikan UMS.

Projek usaha sama antara YKN dan UMS itu merupakan projek pertama yang diwujudkan di Malaysia sesuai dengan keperluan masyarakat di Sabah.

Kerjasama diantara YKN dan UMS dimeterai dalam satu Majlis Penyampaian Tajaan dan Tandatangan Memorandum Bersama Rakan-rakan Strategik YKN yang berlangsung di Dewan Perdana Nur, Bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, di sini pagi kelmarin.

Majlis tersebut disaksikan oleh Timbalan perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Projek One Stop Centre itu adalah kesinambungan terhadap kolaborasi yang sedia



TUKAR DOKUMEN ... Prof Datuk Dr. D Kamarudin (kiri) dan Datin Paduka Che Asmah (kanan) saling bertukar dokumen perjanjian sambil disaksikan Dato' Seri Dr. Wan Azizah.

terjalin antara kedua-dua pihak yang sebelum ini telah menjalinkan kerjasama dalam menyediakan perkhidmatan rawatan kemudahan di Pusat Dialisis UMS-YKN Kota Kinabalu untuk manfaat masyarakat setempat.

Terdahulu, UMS diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin menandatangani dokument perjanjian, manakala YKN diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif YKN, Datin

Paduka Che Asmah Ibrahim.

Dalam pada itu, Dato' Seri Dr. Wan Azizah dalam ucapannya berkata jalinan kolaborasi yang dijalankan antara YKN bersama-sama Rakan-rakan Strategik YKN itu dapat memperkisasakan komuniti untuk meningkatkan taraf hidup golongan sasar YKN terutama sekali bagi mereka yang memerlukan bantuan.

"Saya menyeru dan menggalu-alukan agar lebih banyak syarikat korporat, GLC, in-

stitut pendidikan tinggi, agensi kerajaan, institusi kewangan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan juga individu untuk tampil dan membantu mereka yang memerlukan dan kurang berkemampuan melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) masing-masing," katanya.

Pada majlis itu, UMS merupakan salah satu daripada 13 Rakan Strategik yang mendatangani jalinan kerjasama dengan YKN.